



Rencana Utama

Oleh
**ZUBAIDAH
IBRAHIM**



LAMBAKAN al-Quran lama dan kitab-kitab yang telah uzur dimamah usia di Surau Diniatul Islamiah, Taman Desa Tasik Sungai Besi, Kuala Lumpur mendorong Idzhar Ibrahim, 39, selaku imam di situ mengadakan perbincangan bersama ahli jemaah bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Kebanyakan al-Quran serta kitab-kitab lama itu telah berada di surau tersebut sejak ia dibina pada tahun 1990 dan saban hari jumlahnya semakin meningkat sehingga memerlukan ruang yang banyak untuk menyimpannya.

Sehubungan itu, ahli jemaah surau mencadangkan agar ia dilupuskan dengan bantuan syarikat swasta yang menyediakan perkhidmatan tersebut kerana mereka lebih arif mengendalikannya dengan tata cara betul bagi menjaga kesucian al-Quran.

"Kami bagaimanapun agak terkejut sebut harga yang diberikan sangat mahal dan di luar jangkaan lantas cuba mencari alternatif dengan melayari laman web rasmi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelupusan al-Quran.

"Alangkah gembiranya apabila terbaca mengenai Pusat Pelupusan



KERTAS mengandungi ayat-ayat suci al-Quran dilupuskan di Pusat Pelupusan Al-Quran Darul Kalam di Taman Selaseh, Kuala Lumpur.

Bantu masyarakat lupus al-Quran dengan betul

KOSMO / 16 (11 2021) M15 20

Al-Quran Darul Kalam di bawah seliaan Bahagian Penyelidikan Jawi yang tidak mengenakan sebarang caj untuk perkhidmatan itu, lantas tanpa membuang masa kami terus membuat pertanyaan serta tempahan temu janji penghantaran al-Quran usang,” cerita anak kelahiran Sungai Besi itu.

Ketika temu janji pertama itu, pihak Surau Diniatul Islamiah telah menghantar 100 kilogram (kg) al-Quran lama yang rosak dan dimamah anai-anai untuk dilupuskan oleh pusat tersebut.

“Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jawi dan

SETIAP helaian al-Quran melalui proses pengasingan yang teliti. -FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

AL-QURAN yang telah rosak diterima untuk dilupuskan.



Pusat Pelupusan Al-Quran Darul Kalam yang menyediakan perkhidmatan ini kerana ia sangat membantu masyarakat dalam menyelesaikan dilema melupus al-Quran kerana tidak cukup pengetahuan, tiada lokasi bersesuaian untuk melupuskan, kekangan masa serta kos terlalu mahal,” katanya.

Darul Kalam yang dibina pada tahun 2014 itu merupakan kompleks pusat pelupusan al-Quran yang dibangunkan oleh Jawi bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Terletak di kawasan Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Taman Selaseh, Kuala Lumpur, pusat tersebut dibina bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah untuk umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Menurut Pengarah



Kami membuat kerja pelupusan sekitar 100 hingga 150kg sehari dengan anggaran purata sebulan sebanyak 2,000kg naskhah al-Quran.”

RAUDZAH

Jawi, Datuk Mohd. Ajib Ismail, objektif utama penubuhannya adalah untuk menangani isu dan masalah bagi melupuskan teks atau bahan mengandungi ayat al-Quran yang rosak, tersalah cetak, dicemari kotoran, terkoyak dan ditenggelami air banjir.

“Pusat pelupusan teks atau bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran ini diberi nama Darul Kalam dan ia menjalankan pelupusan tersebut mengikut kaedah yang betul demi menjaga kesucian al-Quran serta kemaslahatan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan.

“Idea untuk menubuhkan pusat ini juga disebabkan oleh lambakan al-Quran lama dan rosak di masjid, surau atau di rumah, tiada maklumat tempat pelupusan al-Quran, kadar bayaran pelupusan yang tinggi oleh syarikat swasta dan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kaedah melupuskannya dengan betul,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga menerima aduan terdapat pembuangan teks atau bahan al-Quran dengan cara salah seperti di tempat pembuangan sampah, tasik dan dalam semak yang mana jelas tidak menghormati kesucian al-Quran.

Sementara itu, Ustazah Raudzah Hamid yang bertindak sebagai penyelia pusat tersebut memberitahu, setakat ini tempat itu hanya menawarkan perkhidmatan pelupusan naskhah al-Quran (kertas) sahaja.

“Kami membuat kerja pelupusan sekitar 100 hingga 150kg sehari dengan anggaran purata sebulan sebanyak 2,000kg naskhah al-Quran.

“Pelupusan teks al-Quran itu perlu melalui beberapa proses iaitu timbang, asing, rincih, bakar dan tanam di telaga simpanan khas,” tuturnya.

Proses pelupusan al-Quran di situ adalah berasas kaedah tanam kekal dengan ia dibakar menerusi relau (mesin pembakar) sebelum abu-abu itu dialirakan ke telaga yang menyimpan abu



HELAIAN-HELAIAN al-Quran dibakar di dalam relau.



IDZHAR

KOSMO (16/11/2021) M1521



MOHD. AJIB

INFO

Pusat Pelupusan Al-Quran Darul Kalam

- Terletak di kawasan Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Taman Selaseh, Kuala Lumpur
- Beroperasi Isnin hingga Jumaat dari pukul 9 pagi hingga 4 petang

berhabuk, perlu menjemur al-Quran yang basah kerana ditenggelami banjir agar ia benar-benar kering supaya mudah untuk dibakar dan memastikan setiap cebisan kecil al-Quran tidak terkecuali melalui proses pelupusan.

“Tidak kurang juga ada yang menghantar buku-buku agama bercampur ayat-ayat al-Quran sehingga kami perlu membuat pengasingan untuk setiap helaian muka surat itu bagi memastikan teks tertulis al-Quran sahaja dibakar,” katanya.

Tutur pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka itu, dia berasa puas kerana dapat menyumbangkan



MAHFUZAH

Bakal wujudkan Darul Kalam 2

BERDASARKAN Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-30, bahan teks al-Quran perlulah dilupuskan dalam keadaan yang terjaga seperti dibakar di tempat jauh daripada orang awam, tersembunyi dan kemudian ditanam atau dialirakan ke sumber air seperti laut.

Berpandukan kepada itu, Jawi mengambil inisiatif dengan membangunkan Pusat Pelupusan Al-Quran Darul Kalam untuk memudahkan masyarakat membuat pelupusan berkaitan kitab suci itu dengan cara betul dan kos lebih rendah.

Saban hari permintaan pelupusan al-Quran semakin meningkat sehingga pihak Jawi sedang merangka pelan strategik untuk membina Darul Kalam 2 yang lebih mesra alam, efisien, sistematik dengan ciri teknologi

dialirkan ke telaga yang menyimpan abu al-Quran di pusat tersebut.

Relau pelupusan di Darul Kalam ini berbeza dengan pelupusan al-Quran di pusat pelupusan lain sehingga melayakkannya memenangi Johan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri kategori bukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2019.

Terang Raudzah, Jawi menerima banyak permohonan pelupusan daripada jabatan kerajaan, syarikat percetakan, syarikat swasta, masjid, sekolah, masyarakat awam dan lain-lain agensi di dalam dan luar Wilayah Persekutuan.

Namun, memandangkan kemampuan relau pelupusan terhad, pusat itu hanya menerima permohonan daripada individu, agensi atau institusi yang tinggal dan berada di Wilayah Persekutuan sahaja.

“Penerimaan naskhah al-Quran tersebut perlu dilakukan secara berjadual dan janji temu kerana ruang penyimpanan pelupusan yang terhad.

“Permohonan pelupusan hendaklah secara bersurat atau e-mel kepada Pengarah Jawi dan kemudian pihak kami akan aturkan tarikh serta masa penghantaran,” ulasnya.

Perkhidmatan tersebut buat masa ini diberikan secara percuma, tetapi bagi menampung kos pengurusan

dan operasi, pihak Jawi bercadang mengenakan caj yang rendah iaitu sekitar RM1 sehingga RM6 mengikut kategori permohonan bagi sekilogram.

Dalam pada itu, salah seorang pekerja di pusat tersebut Muhammad Faiz Muhamad Asri, 25, memberitahu, membuat kerja-kerja pelupusan al-Quran bukanlah satu tugas mudah kerana memerlukan kesabaran.

“Antara cabaran yang kami hadapi ialah suhu pembakaran yang panas,

tenaga kepada masyarakat dan agama dengan menjaga kemuliaan al-Quran itu apabila ia dilupus dengan cara yang betul.

“Saya tidak rasa bosan bekerja di sini walaupun tidak gah seperti pekerjaan lain yang dilakukan rakan sebaya kerana tujuan utama adalah untuk melakukan amal jariah.

“Saya juga melihat kesedaran masyarakat semakin meningkat dalam menjaga kesucian al-Quran,” ceritanya.



RAUDZAH menunjukkan telaga abu al-Quran yang menjadi tempat abu-abu al-Quran 'ditanam'.

sistematik dengan ciri teknologi lebih tinggi dan lengkap.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Jawi, Mahfuzah Zohdi, pihaknya ingin menyediakan perkhidmatan pelupusan menyeluruh dan bukan dalam bentuk kertas semata-mata.

“Tulisan ayat-ayat al-Quran bukan hanya di atas kertas, tetapi ia turut terdapat pada perhiasan seperti kaca, kayu dan kulit binatang yang sebenarnya banyak digunakan oleh masyarakat.

“Namun, keupayaan mesin yang kami ada kini hanya mampu untuk melupuskan kertas, maka Darul Kalam 2 nanti akan menyediakan perkhidmatan pelupusan pelbagai jenis bahan dalam masa lebih singkat,” katanya.

Tambahnya, pusat pelupusan tersebut kini mempunyai empat telaga untuk menanam abu al-Quran secara kekal dan kaedah tersebut dilihat memerlukan ruang yang lebih besar serta luas.

Sehubungan itu, Darul Kalam 2 yang dijangka siap pada tahun 2025 akan menyelesaikan masalah ruang dengan memperkenalkan dua kaedah iaitu tanam secara kekal (telaga) dan dihasilkan dalam bentuk kiub untuk dilepaskan ke dalam laut.